



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8888 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP116(53)/60

Tarikh : 22 Mei 2014

Semua Pesuruhjaya Sumpah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

MAKLUMAN MENGENAI PEMBATALAN SETEM HASIL KE ATAS DOKUMEN AKUAN BERKANUN DAN AFIDAVIT OLEH PESURUHJAYA SUMPAH

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa menurut Butiran 1A Jadual Kedua Akta Setem 1949, Pesuruhjaya Sumpah adalah merupakan individu yang dibenarkan untuk membatalkan setem hasil bagi dokumen akuan berkanun dan affidavit yang memerlukan bayaran duti setem.

3. Oleh yang demikian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan hendaklah mengambil maklum berkenaan cara pembatalan setem hasil seperti mana yang dinyatakan di bawah seksyen 7(4) Akta Setem 1949 yang berbunyi seperti berikut:

"Whoever affixes any such stamp to any instrument chargeable with duty ..., when affixing such stamp, cancel the same by writing or marking distinctly the date in ink either wholly on the stamp or partly on the stamp and partly on the paper to which the stamp is affixed, ..., so that the stamp cannot be used again,..."

4. Berdasarkan kepada peruntukan di atas, YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan perlu menyempurnakan pembatalan setem hasil dengan cara menandakan palang dan tarikh ke atas sebahagian setem dan sebahagian lagi di atas kertas yang dilekatkan setem agar setem berkenaan tidak lagi dapat digunakan dengan apa-apa cara sekalipun.

5. Contoh pembatalan setem hasil yang sempurna adalah seperti berikut:



Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

s.k.

Pengarah Bahagian Duti Setem

Jabatan Operasi Cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Menara Hasil Aras 12

Persiaran Rimba Permai

Cyber 8

63000 Cyberjaya